

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**  
**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah moratorium pinjaman perumahan dan kenderaan akan terus diberikan oleh bank-bank pada tahun 2022, memandangkan masih ada penduduk yang terjejas pendapatan mereka, walaupun negara bakal memasuki fasa endemik, kerana pendapatan mereka masih berkurang berbanding sebelum pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, dalam terus membantu golongan yang terjejas pendapatan, industri perbankan telah mengumumkan Skim Pengurusan dan Ketahanan Kewangan, atau URUS bagi golongan pendapatan 50 peratus terbawah (atau B50) pada 14 Oktober yang lalu. Golongan B50 yang layak ini ditakrifkan sebagai isi rumah berpendapatan sehingga 5,880 ringgit sebulan, dan masih terkesan akibat pandemik COVID-19.
2. Skim yang menyeluruh ini bukan sahaja membantu peminjam membuat pembayaran balik pinjaman mengikut kemampuan mereka, malah peminjam juga mendapat manfaat menerusi nasihat pengurusan kewangan yang boleh meningkatkan daya tahan kewangan mereka dalam jangka masa panjang.

3. Menerusi program ini, peminjam golongan B50 yang memenuhi syarat akan mendapat pengecualian faedah selama tiga bulan, dan juga pilihan untuk mengurangkan bayaran ansuran pinjaman sehingga 24 bulan secara keseluruhannya.
4. Bagi peminjam lain, termasuk golongan peniaga yang juga terkesan dan memerlukan bantuan bayaran balik pinjaman selepas pakej PEMULIH tamat, bank-bank akan terus menyediakan pakej bantuan, termasuk pengurangan bayaran ansuran bulanan mengikut kemampuan peminjam.
5. Di samping itu, peminjam juga boleh memohon pelbagai program yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (atau AKPK), seperti Program Pengurusan Hutang, atau dengan izin, *Debt Management Programme*, Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil, atau *Small Debt Resolution Scheme*, dan Skim Sokongan Daya Tahan Kewangan, atau *Financial Resilience Support Scheme*.
6. Program-program ini dilaksanakan dengan kerjasama dan sokongan institusi perbankan dan mempunyai ciri-ciri seperti ansuran bulanan yang boleh dikurangkan dengan pelanjutan tempoh bayaran balik dan program sokongan daya tahan kewangan.
7. Sekiranya peminjam menghadapi kesukaran semasa berurusan dengan pihak bank atau permohonan bantuan bayaran balik pinjaman ditolak, mereka boleh menghubungi Bank Negara Malaysia secara terus melalui BNM TELELINK.

Sekian, terima kasih.